

MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA KECIL PANGKALAN DATA KOMERSIL
BIL. 2/2004

Tarikh : 28 September 2004
Masa : 9.00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Perpustakaan UKM, Bangi

Yang Hadir

Putri Saniah Megat Abd. Rahman (<i>Pengerusi</i>)	(kpustaka@pkrlsc.cc.ukm.my)
Aishah Mohd Nasir : KUSTEM	(amn@kustem.edu.my)
Foyziah Ahmad Nasuruddin : KUKUM	(lbfan@kukum.edu.my)
Haslinda Hj. Kasim (wakil): PNM	(bru@pnm.my)
Hawa Abdul Majid : UPM	(ham@lib.upm.edu.my)
Kalsom Sharif : UIAM	(kalsom@iiu.edu.my)
Lela Ruzma Mohd Shaari : UKM	(lela@pkrlsc.cc.ukm.my)
Maimunah Madir : PHUKM	(mai@mail.hukm.ukm.my)
Masnida hanim Che Mahmood (wakil) : UiTM	(masnah619@salam.itm.edu.my)
Mazmin Mat Akhir : UUM	(mazmin@e-web.uum.edu.my)
Md. Yazid Muji : UNITEN	(yazidm@uniten.edu.my)
Mohamad Dzulkarnain Abdul Karim (Wakil): UM	(a4molly@yahoo.com)
Mohammed Ariff Ahmad : MPOB	(ariff@mpob.gov.my)
Nor Asiah Mohamad : UKM	(nor@pkrlsc.cc.ukm.my)
Nordiah Hj. Musa : KUITTHO	(nordiah@kuittho.edu.my)
Rabiatul Ahya Mohd. Shariff : UTP	(rabiatulahya_msharif@petronas.com.my)
Rapeeah Ahmad : USM	(RA@notes.usm.my)
Salbiah Ma'arof : KP	(Salmaarof2001@yahoo.com)
Sharifah Hanom Bidin: OUM	(sharipah@unitem.edu.my)
Saniah Hj. Armia : IKIM	(saniah@ikim.gov.my)
Siti Khabshah Masrom : MMU	(khabshah@mmu.edu.my)
Hafsa Mohd : UKM (<i>Setiausaha</i>)	(hafsa@pkrlsc.cc.ukm.my)

Tidak Hadir Dengan Kenyataan

Che Salmah Mehamood : UMS	(csmehamod@ums.edu.my)
Faridah Hj. Md. Amin : KUTKM	(faridah@kutkm.edu.my)
Jasmin Jaimon : KUIM	(jasmin@admin.kuim.edu.my)
Khadijah Ibrahim : MARDI	(khadijah@mardi.my)
Korina Ibrahim : UNIMAS	(rin@cais.unimas.my)
Mohamad Zaki Mohd. Isa : FRIM	(zaki@frim.gov.my)
Mohd. Zaid Mohamad Idris (<i>wakil</i>) : UPSI	(nazari@upsi.edu.my)
Noraini Noran Abdullah : MINT	(noran@mint.gov.my)
Noraziah Sharuddin : UTM	(azie@mel.psz.utm.my)
Roslin Muhiddin : NPC	(roslin@npc.org.my)
Ruslan Che Pee : KUKTEM	(ruslan@kuktem.edu.my)
Saniah Hj. Armia : IKIM	(Saniah@ikim.gov.my)

Turut Hadir:

Tuan Haji Ahmad Salimi Ismail : Kementerian Pengajian Tinggi
En. Mohamad Nasir Mohd. Mazlan : Kementerian Pengajian Tinggi

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Pengerusi mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatihah.
- 1.2 Agenda utama mesyuarat ialah untuk membincangkan hal-hal berkaitan PDK langganan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT BIL. 1/2004

Minit Mesyuarat Bil. 1/2004 akan disahkan di mesyuarat akan datang. Mesyuarat pada hari ini adalah lebih kepada perbincangan dengan wakil dari KPT berkaitan dengan peruntukan PDK langganan KPT.

3.0 PDK LANGGANAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (KPT)

Puan Pengerusi telah memberikan taklimat ringkas berkenaan Jawatankuasa Kecil Pangkalan Data Komersil (JK PDK) dan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan khususnya yang berkaitan dengan langganan PDK.

- 3.1 JK PDK adalah sebuah jawatankuasa kecil di bawah sistem PERDANA (Sistem Perpustakaan Digital Negara) yang telah ditubuhkan pada tahun 2000. Tugas utama JK PDK ialah untuk membuat penyelarasan harga jurnal elektronik yang kian meningkat di pasaran. Didapati ada perbezaan dalam kos langganan PDK yang sama di beberapa IPTA terlibat.
- 3.2 Langganan PDK secara konsortium adalah seragam bagi semua institusi dan lebih menjimatkan. Setakat ini terdapat 9 PDK yang dilanggan secara konsortium.
- 3.3 PERDANA telah berjaya mendapatkan peruntukan sebanyak RM1.4 juta pada tahun 2002 dan RM1.9 juta pada tahun 2003 dari KPT untuk melanggan 3 buah PDK secara konsortium. PDK tersebut boleh diakses oleh kebanyakan IPTA. Peruntukan tersebut telah disalurkan melalui Perpustakaan Universiti Malaya.
- 3.4 Kertas Permohonan Peruntukan Langganan PDK bagi Sistem PERDANA 2003-2008 telah dimajukan kepada KPT. Bagi tahun 2004 dan 2005 surat permohonan peruntukan telah dimajukan untuk pertimbangan KPT.

4.0 PERBINCANGAN DENGAN WAKIL KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

En. Ahmad Salimi telah memberikan taklimat berkaitan dengan peruntukan dan seterusnya perbincangan 2 hala telah diadakan dengan semua ahli mesyuarat. Taklimat dan hasil perbincangan adalah seperti berikut:

- 4.1 Wakil KPT memaklumkan bahawa peruntukan yang telah diberikan bagi tahun 2002 (RM1.4juta) dan 2003 (RM1.9juta) adalah secara ‘one-off’. Peruntukan ini adalah berasingan dari peruntukan yang telah ditetapkan bagi setiap IPTA setiap tahun.
- 4.2 Jawatankuasa PDK memaklumkan bahawa 3 PDK (Proquest Education, Ebscohost Business Source Premier, dan ScienceDirect) yang dilanggani menggunakan peruntukan KPT boleh diakses oleh lebih banyak institusi. Bilangan akses bergantung kepada bilangan lesen penggunaan yang diperolehi. Peningkatan kos bagi 2003 adalah disebabkan penambahan bilangan lesen penggunaan. Statistik penggunaan PDK telah dimajukan kepada KPT pada setiap hujung tahun.
- 4.3 Wakil KPT mencadangkan supaya pihak IPTS yang menjadi ahli JK PDK memberikan sumbangan kepada peruntukan langganan PDK memandangkan wang peruntukan yang diberikan oleh KPT adalah khusus untuk IPTA sahaja. Wakil KPT merujuk permohonan peruntukan bagi tahun 2008 iaitu sebanyak RM30 juta. Ini adalah satu jumlah yang besar dan berharap agar pihak IPTS dapat memberikan sumbangan.
- 4.4 Wakil KPT dimaklumkan bahawa setiap IPTS menggunakan peruntukan sendiri bagi tujuan langganan PDK. Contohnya: UTP dan UNITEN.
- 4.5 Wakil KPT mencadangkan supaya Kertas Permohonan Peruntukan Langganan PDK bagi Sistem PERDANA 2003-2008 dilengkapkan dengan maklumat judul baru, nama institusi, berapa setiap institusi perlu bayar, berapa jumlah sumbangan setiap IPTS, dan statistik penggunaan.
- 4.6 Wakil KPT mencadangkan bahawa Perpustakaan Negara Malaysia mendapat peruntukan dari Kementerian Pelajaran Malaysia untuk diagihkan kepada Perpustakaan Awam, Perpustakaan Negeri, Pusat Matrikulasi dan Politeknik.
- 4.7 Wakil KPT mencadangkan supaya setiap IPTA memasukkan peruntukan langganan PDK yang diperlukan setiap tahun ke dalam bajet masing-masing dan dimajukan kepada pihak Bendahari supaya peruntukan tersebut dimasukkan di dalam bajet dan tidak perlu dipohon setiap tahun dari KPT.
- 4.8 Wakil dari UIAM memaklumkan masalah kekurangan peruntukan setiap tahun memandangkan kos jurnal elektronik meningkat setiap tahun sebanyak 15-20%. Konsortium boleh menggalakkan perkongsian sumber maklumat justeru itu akan menjimatkan kos. Wakil KPT menyatakan hal ini perlu dimaklumkan kepada

Pengerusi Forum Kementerian Kewangan (Puan Hjh. Mawar). Perbincangan boleh diadakan dengan beliau.

- 4.9 Wakil Bahagian Pendidikan Guru memaklumkan bahawa tiada peruntukan khas untuk perpustakaan-perpustakaan di semua 28 buah Maktab Perguruan. Oleh itu beliau memohon untuk mendapatkan peruntukan sekurang-kurangnya RM50,000 setahun.
- 4.10 PERDANA perlukan pejabat dan kakitangan tetap menguruskan hal-hal berkaitan langganan PDK. Konsortium Nasional seperti yang terdapat di negara-negara lain perlu diwujudkan.

5.0 Hal-HAL LAIN

Pembekal dari Emerald, SpringerLink dan Ebsco telah memberikan taklimat ringkas berkaitan PDK masing-masing.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.00 petang dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.

*Perpustakaan Tun Seri Lanang
UKM Bangi
28 November 2004*

PS/HM